

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN PELABURAN EMAS

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Pelaburan Emas (GIA) dengan Bank.

Terma dan Syarat Am

1. **Pembukaan Akaun**

1.1 Saya/Kami/Organisasi dibenarkan untuk membuka GIA dan dengan ini memberi butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun ini dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami/Organisasi mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan pada rekod-rekod saya/kami/Organisasi yang berkenaan yang disimpan dengan Bank seperti pertukaran penandatanganan dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan alamat dsb.

1.2 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan/Semasa (mana-mana yang berkenaan) (Akaun yang Ditentukan) dengan Bank ketika GIA dibuka. Pemegang akaun bagi Akaun yang Ditentukan dan GIA mestilah sama.

Saya/Kami/Organisasi hendaklah memastikan Akaun yang Ditentukan beroperasi pada setiap masa untuk memudahkan pengkreditan hasil jualan emas dalam GIA dan pendebitan fi perkhidmatan, cukai serta semua fi atau caj lain yang diluluskan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung dan/atau dikenakan, jika ada. Akaun yang Ditentukan hanya boleh ditutup apabila semua baki dalam GIA telah dikeluarkan sepenuhnya.

1.3 Tertakluk pada budi bicara Bank, hanya satu GIA sahaja boleh dibuka atas nama individu dan bukan individu.

2. **Pembelian dan Penjualan**

2.1 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki membeli jumlah minimum emas sebanyak kosong perpuluhan satu (0.1) gram untuk membuka GIA. Baki minimum tidak kurang daripada kosong perpuluhan satu (0.1) gram emas mesti disimpan dalam GIA. Bank boleh mengubah jumlah minimum emas yang diperlukan untuk membuka dan/atau untuk dikekalkan dalam GIA.

Baki dalam GIA merupakan emas yang tidak teruntuk dalam gram yang mempunyai minimum 999.9 bahagian daripada emas tulen bagi setiap 1,000 bahagian.

2.2 Jualan emas dalam GIA boleh dibuat oleh saya/kami sendiri atau oleh 'Ejen Yang Diberi Kuasa Sewajarnya' dengan menunjukkan Buku Simpanan GIA (Buku Simpanan)/Surat Kebenaran yang ditandatangani menurut mandat akaun GIA/Akaun yang Ditentukan (mana-mana yang berkenaan), yang tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak, berserta borang yang telah diisi dengan sewajarnya seperti yang ditetapkan oleh Bank.

Seorang 'Ejen Yang Diberi Kuasa Sewajarnya' mesti memiliki Surat Kuasa Wakil yang didaftarkan dengan Bank. Surat itu tidak boleh dianggap sebagai kebenaran yang sepadan dengan Surat Kuasa Wakil.

2.3 Apa-apa jualan emas dalam GIA dan pembayaran untuknya yang dibuat oleh Bank apabila Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana-mana yang berkenaan) dikemukakan, adalah sama sebagaimana dibuat kepada saya/kami sendiri. Dengan syarat Bank telah membuat bayaran sedemikian apabila Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana-mana yang berkenaan) dikemukakan.

2.4 Saya/Kami/Organisasi boleh menjual emas itu daripada GIA sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak semula dari semasa ke semasa, dengan syarat GIA tersebut mempunyai jumlah emas yang mencukupi dan selepas Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana-mana yang berkenaan) dikemukakan dan apabila pengenalan diri yang dikemukakan boleh diterima oleh Bank.

3. **Rekod Urus niaga**

3.1 Saya/Kami/Organisasi mengaku bahawa urus niaga tersebut akan direkodkan dalam Buku Simpanan atau Penyata Elektronik Bulanan GIA (e-Penyata) yang boleh didapati melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank seperti yang berikut:-

Pelanggan Individu	Organisasi (Pelanggan Bukan Individu)
<ul style="list-style-type: none"> Urus niaga akan direkodkan dalam Buku Simpanan e-Penyata (opsyenal) selain Buku Simpanan 	<ul style="list-style-type: none"> Urus niaga akan direkodkan dalam e-Penyata Buku Simpanan tidak berkenaan

3.2 Buku Simpanan (Diterima Pakai untuk Pelanggan Individu Sahaja)

3.2.1 Saya/Kami akan diberi Buku Simpanan oleh Bank yang di dalamnya tertera jumlah emas yang dibeli atau dijual oleh saya/kami. Saya/Kami dinasihatkan agar memeriksa Buku Simpanan tersebut sebelum meninggalkan premis Bank bagi memastikan catatan entri yang betul telah dibuat.

3.2.2 Saya/Kami akan menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Sekiranya Buku Simpanan itu hilang, saya/kami hendaklah memberitahu Bank dengan segera secara bertulis atau datang sendiri ke Bank. Apabila Bank menerima pemberitahuan secara bertulis, Bank akan membekukan akaun GIA berkenaan. Saya/Kami akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami sekiranya berlaku apa-apa jualan atau pengeluaran tidak sah atau tidak dibenarkan daripada GIA sebelum Bank menerima pengesahan secara bertulis atau pemberitahuan daripada saya/kami sendiri mengenai kehilangan Buku Simpanan tersebut, sama ada ia disebabkan oleh kecuaiannya saya/kami atau sebaliknya. Bank akan mengenakan caj yang diluluskan bagi setiap pengeluaran Buku Simpanan gantian dengan syarat saya/kami menandatangani Borang Tanggung Rugi Bank yang biasa.

3.3 e-Penyata

- 3.3.1 Satu e-Penyata melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank disediakan setiap bulan atau pada kekerapan yang akan ditentukan oleh Bank. Saya/Kami/Organisasi mestilah menjadi pengguna Perkhidmatan e-Perbankan yang berdaftar dengan Bank dan telah mendaftar bagi Perkhidmatan e-Penyata. Saya/Kami/Organisasi boleh memuat turun e-Penyata dalam bentuk elektronik melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank.
- 3.3.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memeriksa dengan teliti semua entri dalam e-Penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh e-Penyata itu mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan entri debit atau kredit dalam e-Penyata tersebut, saya/kami/Organisasi akan dianggap sebagai telah menerima entri tersebut yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam e-Penyata sebagai betul dan konklusif dan dengan itu menerima pakai semua pengeluaran atau debit lain dalam GIA tersebut.
- 3.3.3 Bank akan membalikkan apa-apa butiran yang dikreditkan secara silap dalam akaun saya/kami/Organisasi. Seterusnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membayar balik segala entri yang tersilap dikreditkan dalam akaun saya/kami/Organisasi.

4. Mandat/Arahan

- 4.1 Tanpa mengambil kira apa-apa fasal dalam Terma dan Syarat ini, Bank berhak untuk menolak daripada menerima atau melaksanakan apa-apa arahan, sama ada untuk pengeluaran atau apa-apa urusan niaga lain atau apa-apa perkara berkaitan dengan akaun, sekiranya:-
- 4.1.1 Bank tidak dapat mengesahkan identiti saya/kami/penandatanganan dibenarkan dengan memuaskan;
- 4.1.2 Bank meragui bahawa arahan tersebut tidak sah, tidak jelas atau tidak lengkap;
- 4.1.3 Bentuk atau kandungan arahan tersebut tidak mengikut syarat atau dasar atau amalan seperti yang Bank tentukan dari semasa ke semasa;
- 4.1.4 Arahan tersebut tidak mengikut mandat yang berkuat kuasa pada waktu itu berkaitan dengan pengendalian akaun berkenaan;
- 4.1.5 Bank mempercayai atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak dibenarkan, berunsur penipuan atau dipalsukan;
- 4.1.6 Tandatangan pada arahan tersebut berbeza daripada contoh tandatangan dalam rekod Bank;
- 4.1.7 Bank menganggapnya tidak sesuai mengikut keadaan,
- dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap saya/kami/Organisasi bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul berikutan keengganan Bank untuk melaksanakannya.
- 4.2 Perubahan Mandat Pengendalian
- 4.2.1 Saya/Kami/Organisasi hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan segera mengenai apa-apa perubahan atau pertukaran dalam mandat pengendalian (termasuk tetapi tidak terhad pada perubahan alamat dan butiran untuk menghubungi) dan butiran peribadi saya/kami/penandatanganan dibenarkan (termasuk tetapi tidak terhad pada butiran peribadi dan tandatangan) dan hendaklah memberi dokumen sokongan yang berkenaan kepada Bank berkaitan dengan perubahan atau pertukaran sedemikian.
- 4.2.2 Bank berhak untuk satu tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan perubahan atau pertukaran tersebut dengan syarat dokumen atau maklumat yang diperlukan oleh Bank adalah teratur dan mencukupi. Bank boleh bertindak atas apa-apa arahan yang diberi oleh saya/kami/Organisasi berdasarkan mandat sedia ada dalam sistem Bank sebelum Bank melaksanakan perubahan atau pertukaran itu dalam sistem Bank.
- 4.2.3 Tanpa mengambil kira apa jua fasal dalam Terma dan Syarat ini, Bank berhak untuk menggantung atau membekukan pengendalian akaun sekiranya terdapat apa-apa pertikaian mengenai mandat atau penandatanganan akaun yang dibenarkan.
- 4.3 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, saya/kami/Organisasi bersetuju bahawa rekod Bank mengenai apa-apa urusan niaga berkaitan dengan akaun yang dilaksanakan melalui apa-apa saluran yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa oleh saya/kami/Organisasi akan dianggap sebagai bukti urusan niaga yang dibuat secara betul oleh saya/kami/Organisasi dan tanpa boleh batal membenarkan Bank untuk mendebit akaun untuk bayaran bagi urusan niaga berkenaan. Saya/Kami/Organisasi tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung dan/atau dialami oleh saya/kami/Organisasi sekiranya arahan tersebut telah dipalsukan atau diperoleh secara penipuan atau tanpa kebenaran kecuali disebabkan oleh kecuaihan atau kemungkiran yang disengajakan oleh Bank.

5. Fi Perkhidmatan

- 5.1 Bank boleh mengenakan fi perkhidmatan bagi akaun seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa atas GIA sekiranya kuantiti emas adalah di bawah kuantiti minimum emas yang perlu dikekalkan dalam GIA yang Bank akan tetapkan dari semasa ke semasa.

6. Hak Untuk Menolak Selesai

- 6.1 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh:-

- 6.1.1 dengan notis awal, menggabungkan atau menyatukan mana-mana akaun saya/kami/Organisasi yang dipegang dengan Bank dan mana-mana ahli Kumpulan PBB termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain (dalam apa jua bentuk) di mana-mana sahaja, dengan apa-apa liabiliti saya/kami/Organisasi di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB; dan
- 6.1.2 dengan notis awal selama tujuh (7) hari, memaklumkan kepada saya/kami/Organisasi (atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, yang mana lebih awal), melakukan tolak selesai atau pemindahan:-
- (a) apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam akaun saya/kami/Organisasi dengan Bank dan mana-mana ahli Kumpulan PBB termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain (dalam apa jua bentuk);
 - (b) apa-apa jumlah yang terhutang dan/atau perlu dibayar kepada saya/kami/Organisasi di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;
 - (c) apa-apa surplus atau prosid yang diterima daripada mana-mana aset saya/kami/Organisasi atau cagaran lain yang dipegang oleh Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB,

bagi tujuan memenuhi apa-apa liabiliti saya/kami/Organisasi kepada Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa ini, pada masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersejama.

- 6.2 Apabila notis yang disebutkan di atas dikeluarkan, saya/kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan berhak untuk menguntukkan atau memegang apa-apa wang berbaki kredit atau kesemua atau mana-mana akaun saya/kami/Organisasi dengan Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan sebelum menolak selesai. Saya/Kami/Organisasi tidak mempunyai hak untuk mengeluarkan wang itu tanpa keizinan bertulis daripada Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan terlebih dahulu.
- 6.3 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan pertukaran emas kepada Ringgit Malaysia, pertukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.
- 6.4 Sekiranya saya/kami/Organisasi mempunyai apa-apa liabiliti luar jangka atau masa hadapan untuk membuat bayaran yang mana wang itu akan dikeluarkan daripada akaun, Bank berhak untuk menunda bayaran tersebut atau memegang apa-apa jumlah berbaki kredit dalam akaun sehingga berlakunya peristiwa luar jangka atau masa hadapan berkenaan.

7. Faedah dan Cukai

- 7.1 Tiada faedah perlu dibayar oleh Bank berkenaan dengan GIA.
- 7.2 Bank berhak untuk mengenakan dan menolak daripada Akaun yang Ditentukan apa juga cukai, levi atau caj yang dikenakan di bawah undang-undang atau yang perlu dicaj oleh mana-mana badan pengawalseliaan ke atas GIA.

8. Liabiliti

- 8.1 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak saya/kami/Organisasi atau atas permohonan saya/kami/Organisasi, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik saya/kami/Organisasi yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank boleh menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga tersebut yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak untuk menolak cek-cek saya/kami/Organisasi sehingga liabiliti itu diselesaikan.
- 8.2 Saya/Kami/Organisasi memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai mematuhi arahan mereka dan/atau kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain untuk tujuan penilaian kredit yang *bona fide*.
- 8.3 Sekiranya Bank mengekalkan atau berkewajipan untuk mengekalkan penguamcara bagi menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding kehakiman atau apa-apa cara lain yang berkaitan dengan GIA saya/kami/Organisasi, saya/kami/Organisasi bertanggungjawab untuk membayar segala kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank hendaklah berhak untuk mendebit Akaun yang Ditetapkan atau mana-mana akaun lain yang diselenggara oleh saya/kami/Organisasi dengan Bank dengan segala kos, fi dan caj.
- 8.4 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan saya/kami/Organisasi hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya/kami/Organisasi atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan daripada pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank saya/kami/Organisasi atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.
- 8.5 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi kepada saya/kami/Organisasi yang disebabkan oleh apa-apa pematuhan atau ketidakpatuhan oleh Bank disebabkan oleh atau berikutan daripada perniagaan atau operasi, dihalang atau diganggu oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, pindaan dan/atau pemalsuan disebabkan kecuaiannya saya/kami/penandatanganan yang dibenarkan oleh Organisasi, permusuhan, terputus bekalan elektrik atau bekalan kuasa atau telekomunikasi atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, halangan atau kerosakan mesin atau peralatan.
- 8.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiannya atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang saya/kami/Organisasi tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.

- 8.7 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak saya/kami atau wakil yang dibenarkan oleh saya/kami, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada saya/kami dan mana-mana pihak lain yang berkenaan.

9. Penutupan GIA

- 9.1 GIA akan ditutup apabila keseluruhan baki yang terdapat dalam GIA dikeluarkan atau berikutan penguatkuasaan undang-undang.
- 9.2 Saya/Kami/Organisasi boleh menutup akaun dengan memberi notis secara bertulis kepada Bank dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank dan menyelesaikan kesemua amaun belum jelas yang perlu dibayar kepada Bank. Arahan untuk menutup akaun saya/kami/Organisasi yang dinyatakan secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel internet tidak diterima oleh Bank.
- 9.3 Saya/Kami/Organisasi hendaklah mengendalikan akaun dengan cara yang memuaskan dan mengikut Terma dan Syarat ini, sekiranya gagal berbuat demikian, Bank boleh menutup akaun saya/kami/Organisasi dengan memberi notis secara bertulis mengikut masa yang ditetapkan dalam notis tersebut. Sekiranya terdapat emas di dalam GIA, Bank akan menjual emas tersebut dengan cara dan atas terma dan syarat sebagaimana yang Bank tentukan. Hasil bersih daripada jualan tersebut akan dikreditkan dalam Akaun yang Ditentukan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, sekiranya ada, semasa jualan emas tersebut atau bagi kehilangan atau penyusutan nilai emas akibat daripada atau atas apa juga sebab.

10. Pengantungan Akaun

- 10.1 Hubungan kontraktual antara saya/kami/Organisasi dengan Bank akan ditamatkan dan pengendalian GIA saya/kami/Organisasi akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:-
- 10.1.1 Kematian, hilang akal atau kebankrapan; dan/atau
- 10.1.2 Bagi syarikat berhad, pemfailan petisyen penggulungan terhadap saya/kami/Organisasi; dan/atau
- 10.1.3 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap GIA saya/kami/Organisasi.

11. Akaun Orang Bawah Umur (Diterima pakai untuk Pelanggan Individu Sahaja)

- 11.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa GIA ini bukan akaun amanah ataupun akaun bersama dengan orang bawah umur. Saya/Kami ialah ibu bapa/penjaga sah kepada orang bawah umur dan bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami adalah pelanggan Bank.
- 11.2 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, saya/kami bersama-sama dengan orang bawah umur itu akan bersama-sama memberi arahan baharu dan memberi mandat bagi pengendalian GIA berkenaan. Sehingga mandat baharu diterima oleh Bank, mandat sedia ada akan terus berkuat kuasa.
- 11.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, GIA tersebut akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan GIA tersebut hendaklah dirujuk kepada Wasi/Pentadbir harta pusaka saya/kami. Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undang. Kos dan perbelanjaan yang dialami akan didebitkan daripada Akaun yang Ditentukan.
- 11.4 Sekiranya saya/kami atau orang bawah umur beragama Islam, GIA tersebut tertakluk pada Syariah.

12. Akaun Bersama (Diterima pakai untuk Pelanggan Individu Sahaja)

- 12.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk membayar baki yang ada dalam kredit GIA ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada GIA.
- Kami secara bersama dan bersesama bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada ditanggung rugi pada setiap masa daripada dan terhadap apa-apa prosiding, tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dibawa terhadap atau dialami oleh Bank berikutan pengeluaran baki kredit dalam akaun kepada pemegang akaun yang masih hidup.
- 12.2 Kami bersetuju dengan cara GIA dikendalikan seperti yang ditetapkan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang ditandatangani oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengaku bahawa mandat yang diberi bagi pengendalian GIA ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk mengambil tindakan yang sama. Dalam keadaan seperti ini, Bank boleh tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun itu sehingga mandat baharu diterima daripada kami.
- 12.3 Kami, pemegang-pemegang akaun tersebut bersetuju dan membenarkan Bank:-
- 12.3.1 Untuk mengkreditkan dalam dana Akaun Bersama, sama ada dalam tunai atau melalui pindahan dana elektronik, cek dan semua instrumen boleh niaga milik atau boleh dibayar kepada salah seorang/mana-mana daripada kami. Atas pertimbangan bagi perkara di atas dan Bank bersetuju untuk meletakkan semua amaun yang diterima oleh Bank sama ada dalam tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau daripada cek atau instrumen boleh niaga lain atas nama salah seorang/mana-mana daripada kami dalam kredit Akaun Bersama tersebut dan untuk menghantar apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin tahan bagi Akaun Bersama kepada salah seorang/mana-mana daripada kami; dan

- 12.3.2 Untuk menerima notifikasi bertulis, dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank, ditandatangani dengan sewajarnya dan dikemukakan oleh kami semua mengenai hasrat kami untuk menutup Akaun Bersama itu. Sekiranya tidak semua daripada kami hadir di Bank, kami bersetuju bahawa Bank akan menutup Akaun Bersama itu selepas menerima notifikasi bertulis berkenaan yang dikemukakan sendiri oleh salah seorang daripada kami kepada Bank. Kami seterusnya bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama sama ada secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel internet tidak akan diterima oleh Bank.
- 12.4 Dengan ini, kami secara bersejama dan berasingan mengaku janji untuk mengelakkan Bank daripada menanggung rugi Bank bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti lain yang ditanggung atau berikutan daripada kebenaran di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan atas budi bicara Bank bagi apa juga sebab apa-apa tunai, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen boleh niaga lain yang diterima, atau disebabkan oleh keengganan Bank untuk mengambil tindakan atau bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama dan membayar baki dalam Akaun Bersama tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh kami.
- 13. Akaun Bukan Individu**
- 13.1 Sekiranya Organisasi adalah syarikat yang diperbadankan, apa-apa perubahan pada perlembagaannya yang disebabkan oleh penggabungan, penyatuan atau sebaliknya tidak akan menjejaskan atau menentukan liabilitinya dalam ini.
- 13.2 Sekiranya Organisasi adalah sebuah perkongsian, semua peruntukan yang terkandung dalam ini akan mengikat semua rakan kongsi secara bersejama dan berasingan walau apa sekali pun perubahan pada perlembagaan atau nama firma atau kemasukan mana-mana rakan kongsi baharu atau pengubahsuaian atau pengakhiran apa-apa kuasa mana-mana rakan kongsi.
- 14. Akaun Luar**
- 14.1 Suatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu orang, firma, institusi atau syarikat yang bukannya pemastautin).
- 14.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.
- 14.3 Sumber dan penggunaan dana dalam Akaun Luar adalah tertakluk pada peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Notis-notis Dasar Pertukaran Mata Wang Asing.
- 15. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**
- 15.1 Emas yang dikekalkan oleh saya/kami/Organisasi dalam GIA ini tidak dilindungi oleh PIDM.
- 16. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk**
- 16.1 Saya/Kami/Organisasi memahami dan mengakui bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan ("APK") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai urusan saya/kami/Organisasi, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami/Organisasi) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka dan dengan ini saya/kami/Organisasi memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberikan maklumat berkaitan kepada mana-mana penjamin/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis yang Bank fikir perlu atau wajar bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka.
- 17. Notis Perlindungan Data dan Keizinan**
- 17.1 Saya/Kami/Organisasi maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami/penandatanganan dibenarkan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperoleh daripada mana-mana cawangan Bank.
- 17.2 Saya/Kami/Organisasi juga menyedari tujuan Bank untuk memaklumkan kepada saya/kami/Organisasi mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.
- 17.3 Saya/Kami/Organisasi memahami bahawa saya/kami/Organisasi berhak untuk mendapat akses kepada dan memohon agar pembetulan dibuat pada maklumat peribadi saya/kami/Organisasi yang ada pada Bank dan bahawa saya/kami/Organisasi boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami/penandatanganan dibenarkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam fasal 17.2 di atas dan bahawa permintaan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun saya/kami/Organisasi atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
- 18. Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**
- 18.1 "CRS" ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Public Bank Berhad dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya termasuk subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan dan cawangan ("Kumpulan PBB"), mana-mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 18.2 "FATCA" ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.

Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada semua pelanggan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperolehi semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.

- 18.3 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya/kami/Organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalan cukai peribadi/organisasi, pemilihan syarikat dsbnya. Saya/Kami/Organisasi akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.
- 18.4 Dengan ini saya/kami/Organisasi secara khusus mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian saya/kami/Organisasi bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.
- 18.5 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa:-
- 18.5.1 Saya/Kami/Organisasi akan mematuhi semua kewajipan saya/kami/Organisasi di bawah fasal 18.3 dan 18.4 di atas;
- 18.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami/Organisasi dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 18.5.3 Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.
- 18.6 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami/Organisasi enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod saya/kami/Organisasi dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, berhak untuk melaksanakan yang berikut:-
- 18.6.1 Menutup akaun saya/kami/Organisasi dengan Bank dan apa-apa akaun yang saya/kami/Organisasi ada dengan Kumpulan PBB;
- 18.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, kepada saya/kami/Organisasi; dan
- 18.6.3 Memberi maklumat akaun saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan.
- 18.7 Saya/Kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan saya/kami/Organisasi di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

19. Perkhidmatan e-Perbankan

- 19.1 "Perkhidmatan e-Perbankan" bermaksud PBe, MyPB, Aplikasi MyPB, PB enterprise atau apa-apa platform perbankan dalam talian/aplikasi perbankan mudah alih lain yang Bank mungkin perkenalkan dari semasa ke semasa, yang kesemuanya membenarkan saya/kami/Organisasi mengakses perkhidmatan perbankan dalam talian yang ditawarkan oleh Bank, yang membolehkan saya/kami/Organisasi untuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mengakses Akaun dan membuat atau melaksanakan apa-apa urusan niaga secara elektronik.
- 19.2 Saya/Kami yang merupakan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas akan diberi Perkhidmatan e-Perbankan Bank, tertakluk pada syarat yang dikenakan oleh Bank dan penerimaan oleh saya/kami akan terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank (diterima pakai untuk individu sahaja).
- 19.3 Organisasi perlu mendaftar bagi Perkhidmatan e-Perbankan yang diterima pakai untuk Organisasi semasa membuka GIA.
- 19.4 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa penggunaan, akses kepada dan penamatan Perkhidmatan e-Perbankan Bank adalah tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank atau terma dan syarat yang mengawal Perkhidmatan PB enterprise, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh didapati melalui laman web Bank.

20. Notis dan Komunikasi

- 20.1 Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir saya/kami/Organisasi yang didaftarkan dengan Bank telah diserahkan dan diterima dengan sewajarnya oleh saya/kami/Organisasi.
- 20.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami/Organisasi adalah secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami/Organisasi melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami/Organisasi yang didaftarkan dengan Bank diserahkan dan diterima dengan sewajarnya oleh saya/kami/Organisasi.
- 20.3 Bank boleh mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj yang diluluskan dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan laman web Bank.

21. **Perakuan**

- 21.1 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki untuk menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang dilampirkan yang kemudiannya akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

22. **Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank**

- 22.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah (Dasar ABAC) yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, sila layari laman web Bank.
- 22.2 Saya/Kami/Organisasi hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 22.3 Bank berhak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan kepada saya/kami/Organisasi dengan serta-merta sekiranya saya/kami/Organisasi didapati melanggar Dasar ABAC ini atau didapati terlibat dalam apa-apa tindakan sogokan atau amalan rasuah.

23. **Force Majeure**

- 23.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:-
- 23.1.1 Apa-apa peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
- 23.1.2 Apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, bencana alam, ketentuan Tuhan, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
- 23.1.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
- 23.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang saya/kami/Organisasi mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

24. **Lain-Lain**

- 24.1 Saya/Kami/Organisasi mengaku bahawa sebelum atau pada waktu GIA dibuka, saya/kami/Organisasi tidak:-
- (a) Melakukan apa-apa tindakan kemuflihan; dan/atau
- (b) Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat atau dikemukakan terhadap saya/kami/Organisasi.

Saya/Kami/Organisasi seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami/Organisasi melanggar mana-mana perkara di atas, Bank mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk menutup GIA ini tanpa memberi notis.

- 24.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank tersebut, saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat Bank ini, Notis Mandat (sekiranya ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan apa-apa pindaan atau perubahan ke atasnya yang Bank mungkin perkenalkan kemudiannya, semak, semak semula atau ganti kemudiannya yang boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu kepada saya/kami/Organisasi melalui apa jua cara yang diluluskan.
- 24.3 Saya/Kami/Organisasi selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan mengendalikan GIA saya/kami/Organisasi selepas tarikh kuat kuasanya pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami/Organisasi menerima pindaan pada Terma dan Syarat dan Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat atas saya/kami/Organisasi.
- 24.4 Saya/Kami/Organisasi dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bank apa-apa fi perkhidmatan yang diterima pakai, fi penyenggaraan, fi lain serta komisen, caj, kos dan perbelanjaan yang dikenakan dan/atau ditanggung oleh Bank dan cukai yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan sama ada sedang dikuatkuasakan atau akan dilaksanakan atau dikenakan oleh undang-undang atas fi, komisen, caj, kos, perbelanjaan berkaitan dengan GIA, perkhidmatan dan/atau kemudahan yang disediakan kepada saya/kami/Organisasi. Kesemua fi, komisen, caj, kos, perbelanjaan dan cukai berkenaan boleh ditolak daripada Akaun yang Ditetapkan yang mana saya/kami/Organisasi hendaklah memastikan terdapatnya dana yang mencukupi pada setiap masa.
- Sekiranya fi perkhidmatan atas GIA dikecualikan oleh Bank atas apa jua sebab, saya/kami/Organisasi masih boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa cukai yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atas fi perkhidmatan sekiranya cukai tersebut masih terhutang dan perlu dibayar kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau cukai itu telah dibayar kepada pihak berkuasa yang berkenaan tetapi belum dipulangkan kepada Bank atas apa jua sebab.

- 24.5 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji:-
- 24.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan
- 24.5.2 Untuk memeriksa semua notifikasi berkenaan urusan niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun GIA, e-Penyata atau instrumen pembayaran yang ditentukan secara tetap, untuk mengesahkan urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 24.6 Selanjutnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diceroboh atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai pencerobohan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkannya dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang dikesan dalam mana-mana e-Penyata atau entri.
- 24.7 Dengan ini, saya/kami/Organisasi memberi kuasa yang tidak boleh batal kepada Bank untuk mengendalikan rekod Bank bagi apa-apa urusan niaga yang dilaksanakan melalui GIA tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa urusan niaga yang dikatakan dilaksanakan melalui internet atau mana-mana sumber yang dikatakan daripada saya/kami/Organisasi sebagai bukti urusan niaga yang dibuat dengan sempurna oleh saya/kami/Organisasi dan untuk mendebit Akaun yang Ditentukan itu bagi pembayaran urusan niaga berkenaan walaupun urusan niaga berkenaan mungkin tidak diberi kuasa oleh saya/kami/Organisasi dan seterusnya pemberian kuasa tersebut atau rekod untuk mendebit Akaun yang Ditentukan seperti yang dinyatakan di atas mungkin tidak mempunyai tandatangan saya/kami/penandatangan dibenarkan.
- 24.8 Bank berhak pada bila-bila masa:-
- (a) Untuk mengubah, meminda atau menyemak mana-mana peraturan yang dinyatakan di dalam ini, ciri-ciri dan manfaat GIA dengan memberi notis awal dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu;
- (b) Untuk menghalang pengendalian GIA ini, sekiranya Bank mengesyaki bahawa GIA itu digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 24.9 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di dalam ini, terma dan syarat yang terkandung dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank, Terma dan Syarat Bank dan Perjanjian Akaun Pelaburan Emas.
- 24.10 Terma dan Syarat dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan apa-apa pengubahsuaian lain kepadanya atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh badan kawal selia lain dari semasa ke semasa.
- 24.11 Saya/Kami/Organisasi akan memastikan semua urusan niaga yang dibuat melalui akaun saya/kami/Organisasi tidak dan tidak akan menyalahi mana-mana undang-undang dan peraturan yang diterima pakai.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]